

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA

Peperiksaan Tahun Pertama Dalam Sains Farmasi

Peperiksaan Semester Pertama  
Sidang 1987/88

FPT 122.30 - Pengantar Bentuk Dosis

Tarikh: 30 Oktober 1987

Masa: 9.00 pagi - 12.00 t/hari.  
(3 jam)

Kertas ini mengandungi ENAM soalan.

Jawab LIMA (5) soalan sahaja.

Soalan I adalah wajib dan mesti dijawab di atas skrip yang disediakan.

Semua soalan mesti dijawab dalam Bahasa Malaysia.

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

Soalan I. Soalan Pilihan Berganda. Jawab semua soalan dengan menandakan (✓) ruang yang dikhaskan bertentangan dengan jawapan/pernyataan yang BETUL ATAU PALING SESUAI bagi sesuatu soalan. Hanya SATU jawapan/pernyataan sahaja yang betul atau paling sesuai bagi tiap-tiap soalan. Sebahagian markah akan ditolak bagi jawapan yang salah.

1. Singkatan Latin 'p.a.a. t.i.d. et p.r.n.' bermakna
  - ..... (A) untuk dipakai pada bahagian yang sakit tiga kali sehari bila diperlukan
  - ..... (B) untuk dimakan tiga kali sehari dan bila diperlukan
  - ..... (C) untuk dipakai pada bahagian yang dihinggapi tiga kali sehari dan bila diperlukan
  - ..... (D) untuk dimakan tiga kali sehari semasa hebat kesakitan dan bila diperlukan

- 3 -

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

2. R<sub>X</sub>

Minyak Turpentin	30 g
Lemak Bulu	5 g
Sabun Lunak	q.s.
Air Suling q.s. ad.	100 ml

ft. linimen

Jumlah sabun lunak yang diperlukan ialah

..... (A) 1 g

..... (B) 3 g

..... (C) 4 g

..... (D) 10 g

3. Agen pengampai yang mengandungi enzim oksidase ialah

..... (A) akasia

..... (B) tragakant

..... (C) bentonit

..... (D) metilselulosa

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

4. Yang mana pernyataan-pernyataan berikut adalah BETUL?

- (i) Sejenis emulsi tidak dianggap memuaskan kecuali isipadu minyaknya lebih kurang 30-60% dan garispusat globulnya kurang daripada 5  $\mu\text{m}$ .
- (ii) Pengkriman dapat dikurangkan dengan mengurangkan purata saiz globul dan taburan saiz globul.
- (iii) Agen bakterisid adalah lebih penting dalam rumusan emulsi untuk mencegah pertumbuhan microb apabila dibandingkan dengan agen antikulat.

..... (A) (i)

..... (B) (iii)

..... (C) (i) dan (ii)

..... (D) (i), (ii) dan (iii)

- 5 -

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

5. Yang mana pernyataan-pernyataan yang berikut adalah SALAH?

- (i) Bancuhan jarang dirumuskan untuk jangkamasa yang lama kerana biasanya ia digunakan untuk keadaan akut.
- (ii) Rumusan eliksir biasanya tidak mengandungi drug poten, seperti antibiotik, antihistamina dan sedatif.
- (iii) Linktus digunakan untuk rawatan batuk.

..... (A) (i)

..... (B) (ii)

..... (C) (iii)

..... (D) (i) (ii) dan (iii)

- 6 -

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

6. Daught

- (i) ialah sejenis sediaan cecair yang diminum sebagai satu dos tunggal.
- (ii) Emetik Epekakuanha B.P.C. digunakan semasa rawatan kecemasan keracunan untuk kanak-kanak.
- (iii) Paraldehid teroksidakan ke asid asetik apabila disimpan lama.

..... (A) (i)

..... (B) (i) dan (ii)

..... (C) (ii) dan (iii)

..... (D) (i), (ii) dan (iii)

- 7 -

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

7. Yang mana pernyataan-pernyataan berikut adalah BETUL?

- (i) Biasanya berat minimum dalam sebiji kapsul mesti tidak kurang daripada 100 mg.
  - (ii) Kapsul enterik selalunya disalut dengan selasefat dan campuran lilin asid lemak di dalam bidang dagangan.
  - (iii) Kapsul lunak digunakan untuk ramuan yang akan merengsakan mukosa gastrik atau ramuan yang akan diuraikan oleh jus gastrik.
- ..... (A) (i)
- ..... (B) (i) dan (ii)
- ..... (C) (ii) dan (iii)
- ..... (D) (i), (ii) dan (iii)

...8/-

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

8. Polietilena Glikol

- (i) juga dikenali sebagai makrogol
  - (ii) boleh digunakan sebagai dasar salap dan dasar suppositori
  - (iii) bersifat higroskopik
- ..... (A) (i) dan (ii)
- ..... (B) (ii) dan (iii)
- ..... (C) (i) dan (iii)
- ..... (D) (i), (ii) dan (iii)

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

9. Berapa gram salap zink oksida (20%) patut ditambah kepada 200 gram salap zink oksida (6%) untuk mendapat suatu salap zink oksida (10%)?

..... (A) 60 g

..... (B) 80 g

..... (C) 90 g

..... (D) 100 g

10. Berapa ml larutan Zephiran Pekat (17% b/b) diperlukan untuk menyediakan 2 l. larutan Zephiran (1:1500)?

..... (A) 5 ml

..... (B) 6 ml

..... (C) 7 ml

..... (D) 8 ml

...10/-

- 10 -

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

11. Kebaikan-kebaikan suatu sediaan emulsi lemak sebagai sumber kalori dalam hiperalimentasi ialah

- (i) ia dapat membekalkan asid-asid lemak penting seperti asid palmitik dan asid miristik
- (ii) kandungan asid-asid lemak dapat disesuaikan mengikut keperluan pesakit.
- (iii) ia dapat diberikan melalui saluran perifer
- (iv) ia mempunyai tekanan osmotik yang rendah

..... (A) (i) (ii)

..... (B) (i) (iii)

..... (C) (ii) (iii)

..... (D) (iii) (iv)

...11/-

250

- 11 -

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

12. Pirogen adalah

- ..... (A) berhasil daripada bakteria khususnya bakteria gram +ve
- ..... (B) tidak meruap, stabil pada suhu tinggi tetapi dapat dituraskan
- ..... (C) suatu lipo-protein
- ..... (D) tidak ada jawapan di atas yang betul

13. Sediaan titis mata mesti disediakan

- (i) steril
  - (ii) isotonik
  - (iii) pada pH yang sama dengan pH air mata
  - (iv) dalam bentuk larutan
- 
- ..... (A) (i)
  - ..... (B) (i) (ii)
  - ..... (C) (i) (iv)
  - ..... (D) (ii) (iii) (iv)

251

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

14. Dasar salap yang paling sesuai untuk pemberian ubat bagi tujuan pengubatan diadermik ialah:

- ..... (A) Dasar salap hidrokarbon
- ..... (B) Dasar salap minyak sayuran
- ..... (C) Dasar salap larut air
- ..... (D) Dasar salap lanolin anhidrus

15. Sediaan semi-pepejal yang mengandungi kira-kira 50 peratus serbuk halus dinamakan:

- ..... (A) Salap keras
- ..... (B) Jeli
- ..... (C) Pasta
- ..... (D) Krim

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

16. Bahan yang paling sesuai untuk dasar salap mata ialah:

- ..... (A) Parafin lunak putih
- ..... (B) Parafin lunak kuning 80%, lemak bulu dan air 10%
- ..... (C) Emulsi lemak bulu
- ..... (D) Salap ringkas B.P.

17. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan di bawah ini adalah benar?

- ..... (A) Seorang yang mempunyai darah kumpulan A, mempunyai aglutinin anti-B.
- ..... (B) Darah kumpulan A boleh didermakan kepada kumpulan AB dan O.
- ..... (C) Darah kumpulan O boleh didermakan kepada kumpulan O sahaja.
- ..... (D) Darah kumpulan AB mempunyai aglutinin anti A dan anti B.

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

18. Katgut terdidih ialah katgut yang

- ..... (A) Cecair di dalam tiubnya mengandungi air.
- ..... (B) Perlu dididihkan kerana cecair di dalam tiub tidak mengandungi air.
- ..... (C) Paling lama diserap kerana sifatnya 'lewat kromik'
- ..... (D) Dibuat dengan cara didihkan

19. Vaksin berikut adalah vaksin yang mengandungi ampaian bakteria yang dimatikan:

- ..... (A) Difteria, tifus dan taun.
- ..... (B) Tetanus, rabies dan demam campak.
- ..... (C) Poliomielitis, Demam kuning dan Taun.
- ..... (D) Pertusis, tifoid dan plague.

- 15 -

ANGKA GILIRAN: \_\_\_\_\_

20. Yang mana di antara pernyataan-pernyataan berikut adalah tidak benar?

- ..... (A) Suatu bahan pewarna mestilah mempunyai struktur kimia yang tetap.
- ..... (B) Bahan pewarna tumbuh-tumbuhan digemari kerana sangat stabil.
- ..... (C) Bahan pewarna mestilah mudah larut di dalam pelarut air atau minyak.
- ..... (D) Bahan pewarna mestilah mempunyai daya pewarnaan yang tinggi.

(20 markah)

...16/-

Soalan II

(A) R<sub>x</sub>

Ekstrak Kering Beladona      0.5% b/b

Dasar suppositori yang sesuai q.s. ad acuan 2 g  
ft. suppositori                mitte 6

- (i) Apakah jenis dasar suppositori yang anda akan guna untuk preskripsi tersebut? Berikan 5 alasan untuk pilihan anda.
- (ii) Tentukan jumlah (g) dasar suppositori yang diperlukan untuk 6 suppositori itu.  
(Catatan: amaun berlebihan tidak diperlukan).
- (iii) Tentukan jumlah (g) dasar glisero-gelatin yang diperlukan untuk 6 suppositori itu.

Nilai sesaran untuk Ekstrak Kering Beladona ialah 1.5.

- (B) Bandingkan eliksir dan linktus sebagai suatu bentuk dos.

(20 markah)

256

...17/-

Soalan III

- (A) Anda diminta menyediakan 500 ml asid sulfurik cair (20 % b/b) dengan menggunakan asid sulfurik B.P. (95 % b/b, ketumpatannya 1.84 g/ml) dan air suling. Tentukan kepekatan dalam  $\frac{\%}{v/v}$  dan ketumpatan asid cair itu.
- (B) Anda telah merumuskan suatu emulsi ikan kod. Rumusannya adalah berikut

R<sub>x</sub>

Minyak ikan kod	50 ml
Musilag tragakant	25% v/v
Air Suling q.s. ad.	500 ml

Selepas disimpan selama sebulan, emulsi ikan kod itu telah rosak. Apakah faktor-faktor yang mempengaruhi kestabilan emulsi itu? Bagaimana rumusan itu dapat diperbaiki?

(20 markah)

Soalan IV

Bincangkan

- (A) cara-cara injeksi dapat diberikan
  
- (B) faktor-faktor yang perlu dipertimbangkan apabila memformulasikan suatu sediaan injeksi
  
- (C) apa yang anda faham tentang rawatan topikal dan rawatan sistemik

(20 markah)

...19/-

- 19 -

Soalan V

- (A) Apa yang dimaksudkan dengan ujian penggalak pertumbuhan dan bagaimanakah ujian ini dilakukan?

(6 markah)

- (B) Bincangkan cara-cara bagaimana anda akan melakukan ujian kesterilan untuk sediaan yang mengandungi bahan pengawet.

Berikan contoh-contoh yang sesuai bagi setiap kaedah yang anda berikan.

(14 markah)

...20/-

- 20 -

Soalan VI

(A) Apa yang dimaksudkan dengan istilah-istilah berikut:

(i) Endotoksin

(ii) Eksotoksin

(5 markah)

(B) Bincangkan perbandingan di antara keimunan aktif dan pasif. Bilakah pengimunan-pengimunan tersebut perlu diberikan?

(15 markah)

-ooooO0ooo-

260